



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

LAWATAN KERJA YB MENTERI SUMBER MANUSIA KE JAKARTA

1. Saya dijadualkan untuk bertemu dengan rakan sejawat saya, TYT Ida Fauziyah, Menteri Ketenagakerjaan Republik Indonesia pada 24 Januari 2022 di Jakarta. Pertemuan ini adalah bagi memuktamadkan isu-isu yang berkaitan dengan Memorandum Persefahaman (MOU) berhubung Pengambilan dan Penempatan Pekhidmat Domestik Indonesia (PDI) supaya ianya dapat ditandatangani pada 7 dan 8 Februari 2022 di Bali. Ini juga selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Januari 2022 agar satu lawatan diadakan bagi menyelesaikan isu berbangkit berhubung pemeteraian MOU tersebut.
2. Isu-isu utama berkaitan dengan MOU tersebut berhubung *One Maid One House, One Channel System* dan gaji PDI telah pun disepakati menerusi siri rundingan di antara kedua pihak.
3. MOU terdahulu telah ditandatangani oleh YB Menteri Sumber Manusia pada tahun 2006 di Bali, Indonesia. Seterusnya, Protokol bagi meminda MOU tersebut telah ditandatangani di Bandung, Indonesia pada tahun 2011.
4. Pertemuan saya dengan TYT Ida Fauziyah ini juga akan turut dihadiri oleh YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri Dalam Negeri yang juga dalam siri lawatan kerja ke Indonesia pada tempoh tersebut.

DATUK SERI M.SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
19 JANUARI 2022